

KOMENTAR/COMMENTARY

Menilai Semula Konsep Kedaulatan di Malaysia

Reassessing the concept of sovereignty in Malaysia

Syed Ahmad Israa' Syed Ibrahim

Interdisciplinary Research and International Strategy (IRIS) Institute,
Jalan Medan Pusat Bandar 8A, Bangi Sentral 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor.
(israa@iris.institute)

ABSTRAK

Ucapan pembukaan ini disampaikan dalam Dialog Kuasa Nasional Siri 3 yang dianjurkan oleh IRIS Institute pada 7 Mei 2025. Ia meneliti secara kritikal asas-asas konseptual kedaulatan di Malaysia melalui kerangka kuasa nasional. Pemahaman tentang kedaulatan di Malaysia masih bersifat terpecah-pecah dan tidak konsisten dari segi epistemologi, hasil daripada kewujudan pelbagai paradigma seperti paradigma Westphalia klasik, kerangka legalistik Hobbesian, pendekatan pragmatik serta warisan kolonial. Kerancuan ini menggambarkan kebergantungan intelektual terhadap konsep kenegaraan Barat yang seterusnya membataskan keupayaan Malaysia untuk mentakrif dan melaksanakan kedaulatan secara autentik. Perbincangan ini menggesa satu penilaian semula dan pembinaan semula konsep kedaulatan berasaskan epistemologi tempatan dan etos ketamadunan bangsa. Dengan mengembalikan kebebasan intelektual untuk mentakrif kedaulatan menurut pandangan alam sendiri, Malaysia dapat membentuk kerangka kuasa nasional yang lebih tuntas, berdaulat, dan berdaya saing dalam tatanan dunia global.

KATA KUNCI:

*Kedaulatan,
kuasa nasional,
epistemologi,
kenegaraan
pascakolonial,
Malaysia*

Received: May 14, 2025

Accepted: June 23, 2025

Published Oct 31, 2025

ABSTRACT

This opening speech was delivered at the 3rd National Power Dialogue organised by IRIS Institute on May 7, 2025. It critically examines the conceptual foundations of sovereignty in Malaysia through the lens of the national power framework. Malaysia's understanding of sovereignty remains theoretically fragmented and epistemologically inconsistent, shaped by the coexistence of multiple paradigms namely classical Westphalian, Hobbesian-legalistic, pragmatic, and inherited colonial frameworks. This reflects an intellectual dependency on Western notions of statehood, which constrains Malaysia's capacity to define and exercise sovereignty authentically. The discussion calls for a re-examination and reconstruction of the concept of kedaulatan grounded in indigenous epistemology and the nation's civilizational ethos. By reclaiming the intellectual independence to define sovereignty within Malaysia's own worldview, the nation can establish a coherent and autonomous framework for national strength, development, and legitimacy in global order.

KEYWORDS:

Sovereignty, national power, epistemology, postcolonial statehood, Malaysia)

1.0 Pengenalan

Dalam perjalanan kita hidup bernegara dan membangunkan negara, kita tidak dapat lari daripada acuan atau kerangka fikir tertentu, samada sedar atau tidak. Jika ditinjau secara ringkas perjalanan negara ini sejak merdeka, kerangka fikir kenegaraan kita sebahagian besarnya masih terperangkap dalam acuan yang diwarisi daripada penjajah. Banyak kajian telah membuktikannya. Hari ini, kebanyakan kita memilih untuk berfikir tentang negara dalam acuan tersebut demi *survival* atau meneruskan keberlangsungan perjalanan negara dalam dunia yang ordenya juga adalah kesinambungan daripada era penjajahan empayar Barat. Dialog Kuasa Nasional ini dianjurkan dengan hasrat dan objektif yang khusus iaitu membawa para ilmuwan dan pembuat dasar bersama dalam satu ruang perbincangan mengenai hala tuju dan masa depan negara kita, dalam kerangka yang khusus iaitu kerangka kuasa nasional.

2.0 Kerangka Kuasa Nasional

Wacana ini mengajukan kerangka kuasa nasional sebagai sebuah kerangka fikir alternatif mengenai masa depan negara yang kita idamkan. Wacana dalam kerangka kuasa nasional bererti wacana mengenai negara yang:

1. Bukan hanya sebagai negara-bangsa yang ingin berfungsi setiap hari, tetapi sebagai sebuah negara yang memiliki wawasan dan gagasan yang tersendiri setanding dengan kuasa lain di dunia, dan mempunyai kapasiti untuk merealisasikan.
2. Bukan hanya membahas setiap perkara terhad di dalam bidangnya sahaja tetapi melihat setiap perkara sebagai salah satu elemen kuasa yang perlu difahami secara rentas-bidang seiring dengan elemen lain, dan dengan tujuan bukan untuk *troubleshoot* isu semata tetapi dengan tujuan pengupayaan ke arah mencapai kuasa.
3. Bukan hanya sebagai negara yang menerima dan mengguna pakai sahaja *blueprint* yang tersedia di peringkat antarabangsa, sebaliknya berbahas bagaimana membangunkan *blueprint* negara yang tersendiri dengan kerangka ilmu dan kearifan kita sendiri.

Dalam erti kata lain, kerangka kuasa nasional menuntut untuk kita berbahas mengenai kekuatan dan pembangunan negara dalam rangka bagaimanakah seharusnya semua potensi dan sumber nasional

dapat kita bangunkan kepada kapasiti yang maksimum, sehingga negara boleh bersifat mandiri dalam menentukan pendirian dan masa depannya.

Ia menuntut kita berbahas mengenai kekuatan sebagaimana kita mampu mencapai sasaran dan objektif-objektif yang menggambarkan tahap kuasa negara kita secara holistik dan bukan sekadar sasaran ekonomi seperti KDNK dan sebagainya sahaja.

Ia menuntut untuk kita berbahas mengenai acuan dan kerangka yang tersendiri dalam melaksanakan pembangunan, meningkatkan kekuatan, dan menjamin kedaulatan negara. Kerangka yang dibina secara sedar berasaskan keilmuan dan etos peradaban kita, bukan kerangka yang diimport atau dcedok secara sedar atau tidak.

Oleh itu, pelbagai topik atau perkara boleh kita bahaskan melalui kerangka ini kerana ia memberikan satu laluan alternatif yang merungkai keterikatan dan kebergantungan kita kepada kerangka-kerangka sedia ada yang samada telah terbukti mengandungi masalahnya yang tersendiri, atau telah terbukti membataskan potensi dan kuasa negara daripada melangkah lebih jauh dalam arena global.

Boleh disimpulkan bahawa wacana berasaskan kerangka kuasa nasional ini ialah wacana yang bertujuan untuk mengangkat kemerdekaan secara intelektual dalam berfikir mengenai hala tuju negara, dan dalam mencadangkan *blueprint* yang tulen ke arah membangunkan Malaysia sebagai sebuah negara yang kuat, maju, dan berdaulat dalam maknanya yang sebenar.

3.0 Mengapa Berbahas Mengenai Konsep Kedaulatan di Malaysia?

Walaupun konsep kedaulatan ada dinyatakan secara rasmi dalam pelbagai dokumen di negara kita dan dipertahankan sebagai prinsip asas negara, namun pada masa yang sama, banyak situasi mencerminkan manifestasi kepada konsep tersebut yang berubah-ubah atau tidak konsisten.

Kekeliruan dan ketidakjelasan terhadap sesuatu konsep akan menyebabkan pelaksanaannya bergantung pada tafsiran semasa yang terbuka (*open ended*) atau keputusan dasar dan politik yang pragmatik, bukan pada prinsip yang jitu. Boleh jadi kita melaksanakan pelbagai tindakan yang disangka sebagai mempertahankan atau memperkukuh kedaulatan negara walhal ia sebenarnya merungkai asas kedaulatan negara.

Hakikatnya, polisi dan perjalanan realiti kenegaraan adalah cerminan kepada apakah yang kita fahami mengenai idea-idea yang menjadi asas kepada kerangka kenegaraan. Perbahasan konsep kedaulatan memang luas dan bersangkut dengan konsep-konsep lain seperti kuasa, legitimasi, dan sebagainya. Ia juga berkait dengan soal bagaimana elemen-elemen penting dalam negara seperti sempadan, tanah, undang-undang, dan sebagainya difahami. Disebabkan inilah kita perlu berbahas mengenai konsep kedaulatan kerana sebelum ia muncul dalam pelbagai lapangan dan bidang dengan maknanya yang sudah dibahagikan kepada juzuk-juzuk kecil atau hanya difahami secara aplikasi praktikal, adakah kita sudah jelas tentang intipati konsepnya secara menyeluruh, menurut kerangka ilmu kita?

Tinjauan secara kasar terhadap definisi atau konsep kedaulatan yang muncul dalam bahan rasmi samada dokumen bersifat dasar seperti dokumen Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Wisma Putra, ataupun dalam keterangan linguistik oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), ataupun dalam silibus pendidikan nasional mendapati bahawa kefahaman di Malaysia terhadap konsep kedaulatan mencerminkan paradigma yang pelbagai dan bercampur aduk seperti:

1. Paradigma klasik (Westphalian) – Keutuhan wilayah negara dan tiada campur tangan luar dalam soal dalam negara.
2. Paradigma negara Hobbesian, demokrasi moden dan legalistik – Autoriti untuk mentadbir dan mengurus negara melalui institusi, undang-undang, dan sistem berasaskan perlembagaan.
3. Paradigma tradisi, sejarah & identiti yang bercampur – Legitimasi institusi Raja/Sultan dan keutamaan beberapa soal dalam identiti bangsa seperti Melayu-Islam, juga 'legitimasi' idea & format multikulturalisme (seperti kontrak sosial misalnya) yang diwarisi daripada penjajah.
4. Paradigma pragmatisme (berasaskan fungsi dan keperluan semasa) – Kemampuan negara berdepan ancaman rentas sempadan seperti siber, keganasan, dan tuntutan asing pada masa sama soal pengiktirafan antarabangsa terhadap negara.

Berdasarkan tinjauan secara kasar ini, kita dapat mencerap wujudnya kekaburan atau kerancuan secara teoritikal (epistemologi dan ontologi) mengenai konsep kedaulatan, pada peringkat idea. Tiada konsistensi atau kesepaduan paradigma yang utuh dalam mendefinisikan konsep kedaulatan negara yang asas. Bahkan kemungkinan berlaku percanggahan dan percampuran antara kerangka-kerangka konsep yang hakikatnya tidak serasi pun secara ideanya jika digabungkan. Contohnya, adakah konsep kedaulatan Raja-Raja Melayu sesuai diletakkan bersama konsep kedaulatan perlembagaan dengan anggapan konsep kedaulatan dalam kedua-duanya adalah sama dan serasi sepenuhnya? Atau contoh lain; adakah konsep kedaulatan negara yang diguna pakai dari Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan konsep kedaulatan negara dalam Islam yang kita iktiraf sebagai Agama Persekutuan, adalah secara asasnya sama dan serupa?

Hakikat ini menjadi petunjuk bahawa asas falsafah yang menjadi landasan terbitnya konsep kedaulatan itu sendiri samada tiada, atau kabur, atau caca-marba dalam kefahaman kita sebagai sebuah negara. Kekaburan atau campur aduk ini terpapar pada realiti di negara kita hari ini. Oleh kerana konsep kedaulatan itu sendiri tidak jelas atau konsisten, kita dapati konsep kedaulatan sering dilentur dan disesuaikan untuk tujuan *survival* dalam urusan antarabangsa dan juga untuk tujuan *survival* politik dan pemerintahan. Konsep kedaulatan diangkat dan dipertegas dalam perbahasan mengenai sesetengah perkara atau isu, namun pada masa yang sama dalam soal tertentu, konsep kedaulatan juga dielakkan atau dicalirkan dalam isu lain yang membawa implikasi yang serupa.

Misalnya dalam isu yang menjadi bahagian penting dalam soal kedaulatan negara iaitu isu melibatkan sempadan wilayah. Dalam kes seperti kes Ambalat dan Pedra Branca atau Pulau Batu Putih, naratif dan tindakan mengenai kedua-dua kes ini mengangkat soal kedaulatan negara khususnya dalam aspek sempadan wilayah sebagai asas. Namun dalam soal pencerobohan yang berlaku di Laut China Selatan oleh China, naratif kedaulatan tidak diangkat menjadi premis kepada polisi dan tindakan.

Contoh lain dalam soal penglibatan campur tangan asing ke dalam negara khususnya melalui strategi ekonomi oleh negara luar ke atas Malaysia. Perkara ini dapat dilihat dalam isu yang melibatkan projek dan pelaburan China di Malaysia, dan isu pengambilalihan saham yang besar oleh BlackRock Inc ke atas Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) baru-baru ini. Secara konsepnya, wujud risiko yang jelas terhadap kedaulatan negara khususnya dalam soal kebebasan wewenang daripada dipengaruhi oleh kuasa luar dalam kedua-dua kes ini. Namun naratif dan tindakan yang dilaksanakan tidak kelihatan berlandaskan kepada prinsip dan konsep kedaulatan yang sedia ada.

Berdasarkan pernyataan-pernyataan permasalahan ini, beberapa persoalan penting perlu dibahaskan dan diberikan tumpuan yang selayaknya:

1. Adakah konsep kedaulatan di Malaysia merupakan konsep yang terbit daripada kehendak dan ilmu tempatan serta kerangka epistemologinya yang jelas dan tersendiri?

2. Adakah kita sudah benar-benar menyemak intipati konsep kedaulatan yang diguna pakai hari ini, yang sering dianggap sebagai *default* atau *universal* itu? Persoalan ini timbul kerana kita maklum bahawa hampir semua konsep asas yang lain dalam soal kenegaraan adalah konsep yang datang dengan pakej pembaratan ilmu dan kehidupan di era penjajahan.
3. Dari manakah datangnya apa yang disebut sebagai konsep 'ke-daulat-an' pada hari ini dan adakah ia satu idea atau konsep yang benar-benar membawa apa yang terkandung dalam perkataan daulat dalam perbendaharaan ilmu bangsa kita sebelum penjajahan Barat dahulu? Adakah perkataan 'daulat' itu sendiri secocok (*compatible*) dengan perkataan *sovereignty* yang datang dari Barat?
4. Adakah benar jika dikatakan bahawa konsep yang diguna pakai dalam penggunaan rasmi adalah hanya penyusunan semula idea secara pragmatik oleh golongan elit tanpa kedalaman falsafah atau intelek, tanpa berasaskan khazanah ilmu kita sendiri?
5. Sejauh manakah kita telah meneliti, membersihkan, menyaring, dan memberi makna semula kepada konsep daulat yang telah disekularisasikan yakni dibuang dimensi yang dianggap tidak saintifik, tidak empirikal atau tidak material, untuk kita kembali memiliki sebuah kefahaman dan konsep yang murni selari dengan kehendak asal kita sebagai bangsa yang bertamadun sendiri?
6. Adakah konsep kedaulatan dalam makna dan rupanya yang sedia ada memiliki kapasiti atau kedalaman yang cukup untuk Malaysia melangkah ke hadapan dan menjadi sebuah negara yang benar-benar berdaulat?
7. Adakah konsep kedaulatan di Malaysia disandarkan atau tertakluk kepada nilai-nilai yang tetap, dan mewakili hasrat dan kehendak bangsa yang telah merdeka daripada kuasa penjajah?

4.0 Kesimpulan

Demikian beberapa persoalan asas yang perlu diberikan perhatian semula dalam konteks membahaskan konsep kedaulatan di negara kita. Persoalan-persoalan ini adalah persoalan mendasar sebelum kita berpindah pula kepada permasalahan dan persoalan yang melibatkan pelaksanaan atau strategi negara dalam membangunkan dan memperkukuhkan kedaulatan yang sepatutnya. Semoga Dialog Kuasa Nasional Siri 3 ini menjadi ruang untuk berlangsungnya sebuah perbahasan yang tulus dan serius dalam merungkai setiap permasalahan menurut agenda, aturan, dan letak duduk setiap mauduk dengan betul. Kita tidak mungkin dapat melihat sebuah negara itu memiliki kekuatan, pembangunan, dan kedaulatan yang sebenar melainkan segala usaha di negara itu mesti berlandaskan asas pemikiran dan kerangka yang betul; benar secara ilmunya, dan benar-benar mewakili kehendak bangsa yang mahukan sebuah kehidupan berperadaban yang bahagia.

Penghargaan

Penulis mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan di IRIS Institute serta semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung atas sokongan berterusan dalam usaha memperkaya, memperdalam dan menajamkan kefahaman mengenai kerangka pembangunan negara khususnya kuasa nasional.